

UNDANG-UNDANG BARAT DAN HUKUM ADAT DALAM UNDANG-UNDANG NEGARA

I. FALSAFAH HUKUM

Jika kita perbandingkan sistem Undang-Undang dengan sistem Hukum Adat maka terdapat perbezaan yang jelas. Ini disebabkan kerana berbeza-nya falsafah Hukum, cara berfikir orang-orang Barat dan cara berfikir orang-orang Timur seperti orang-orang Malaysia dan Indonesia.

Falsafah Undang-undang Barat didasarkan pada falsafah ahli fikir Inggeris Hobbes dengan teorinya yang terkenal dengan istilah "*Social Contract*" (kontrak Masyarakat) yang diperjelaskan lagi oleh ahli fikir Swiss Jean Jacques Rousseau dalam karyanya *Du Contract Social*.¹

Falsafah asal dari teori ini timbul dari adanya perjuangan kekuasaan antara seseorang dengan yang lain sebagai digambarkan dengan tepatnya oleh HOBBS dalam kata-kata Latin: 'omnium bellum contra omnes'.

Punca bertolak dari teori ini ialah falsafah undang-undang alam atau undang-undang semula jadi (Natural Law) yang memberi hak kepada perseorangan ('individual') dalam masyarakat, iaitu *kebebasan* and *kesamaan* sesama manusia. Tiap-tiap manusia mempunyai kepentingan sendiri dan bebas memperjuangkannya. Jika dibiarkan hidup masyarakat sedemikian maka terjadilah kacau bilau dalam masyarakat yang timbul dari perkelahian dan peperangan. Demi untuk terjaminnya satu masyarakat pemerintahan yang menjaga keamanan umum. Dalam perjanjian itu dinyatakan:

1. rakyat menyerahkan kuasa penuh kepada pemerintah untuk menjaga kerukunan masyarakat.
2. rakyat wajib menaati segala hukum yang dibuat oleh pemerintah tanpa syarat.

Dengan berfikir secara abstrak itu maka perseorangan dan masyarakat akan terpisah. Dalam perkembangan masyarakat Undang-undang Barat selanjutnya, teori ini berpendapat bahwa kehendak rakyat ditentukan dengan tercapainya suara terbanyak dalam Badan Perwakilan Rakyat. Golongan yang sedikit suara dipaksa menerima keputusan suara terbanyak. Akibat dari cara berfikir yang abstrak serta murni itu, maka Hukum atau

¹ lihat, G. Jellinek, *Allgemeine Staatslehre*, Berlin 1922, hal: 87 dan R. Kranenburg, *Allgemeine Staatsleer*, Haarlem 1955, hal: 137-8.

undang-undang ditentukan dari atas dan berlaku bagi seluruh rakyat dalam masyarakat atas dasar kekuasaan yang mendapat kemenangan. Falsafah Hukum Adat didasarkan pada berfikir secara konkret (kenyataan). Manusia sejak mula ia diciptakan tidak bebas; ia selalu bergantung kepada keadaan di sekitarnya, samaada alam yang zahir maupun alam yang ghaib.

Dengan berfikir secara konkret ini maka perseorangan dan masyarakat tidaklah terpisah, tetapi merupakan satu *kesatuan* yang harmoni, kerana manusia perseorangan (individual) adalah juga manusia anggota masyarakat ('social being').

Kesatuan itu diibaratkan kepada jasad manusia dengan bahagian-bahagiannya dalam keseluruhan. Jika sebahagian dari jasad itu sakit (terganggu) maka seluruh jasad turut sakit (terganggu).

Begitu juga halnya dengan hidup bermasyarakat; mereka merupakan satu kesatuan hidup di mana suka dan duka menjadi beban bersama. 'Berat sama dipikul, rangan sama dijinjing', kata adat.

Sebagai anggota masyarakat ('social being') manusia menurut nalurinya menghendaki kerjasama antara mereka dalam menjadi kerukunan dalam masyarakat. Jika tidak, yang rugi itu ialah manusia perseorangan. Dan ini ternyata dari pengalaman-pengalaman pahit yang di alami oleh setiap orang, jika manusia perseorangan hanya menjalankan kepentingan peribadinya. Masyarakat menjadi kacau dan berlakulah "hukum rimba". Oleh kerana itu timbullah satu kesedaran dalam jiwa mereka bahwa yang patut diutamakan ialah *kepentingan bersama*, bukan kepentingan perseorangan.

Dengan berfikir secara konkret ini maka Kepala Masyarakat Hukum Adat tidak merupakan seorang Raja yang berdiri sendiri di atas rakyat, tetapi sebagai satu kesatuan dengan rakyatnya yang bertugas memelihara hidup rukun dan damai masyarakat atas dasar *musyawarah*: 'Buruk di-baiki, kusut diselesaikan', kata adat.

Jadi tidak ada terdapat dalam masyarakat Hukum Adat perjuangan kekuasaan antara sesama manusia. Semua cita-cita dan kehendak dari perseorangan dapat dimajukan (prinsip kebebasan) dan di musyawarahkan bersama oleh masyarakat apakah cita-cita dan kehendak itu tidak akan merosak atau merugikan keharmonian masyarakat pada waktu itu.

Jika dianggap tidak merugikan maka menjadilah cita-cita atau kehendak perseorangan itu kehendak masyarakat sebagai suatu *kebulatan* kehendak.

Kebulatan kehendak ini tercapai sesudah dibahas dengan teliti akan masalah tersebut didalam musyawarah sehingga keputusan musyawarah merupakan satu keinsafan masyarakat bahwa itulah sebaik-baik keputusan.

Jadi tidak merupakan satu keputusan yang didasarkan atas kehendak dari suara yang terbanyak yang kemudian memaksakan golongan yang kalah suara menerimanya.

Falsafah Hukum Adat tidak mengenal istilah kalah menang dalam

musyawarah, kerana tidak adanya 'omnium bellum omnes'. Yang ada ialah kepentingan bersama, sehingga hukum timbul dari *barwah* iaitu dari keinsafan rakyat dalam masyarakat.

Oleh kerana itu Hukum Adat umumnya adalah Hukum yang *tidak* tertulis. Ia merupakan pernyataan rasa keadilan yang hidup disanubari rakyat sendiri. Keinsafan keadilan inilah yang membawa tiap-tiap anggota masyarakat taat kepada Hukum Adat, kerana alangkah aib dan malunya seseorang jika ia tidak mematuhi Hukum Adat.

II. SISTEM HUKUM

Berlainan cara berfikir mengenai Hukum (falsafah Hukum) membawa perbezaan sistem Undang-undang Barat dan sistem Hukum Adat:

a. dalam Hukum Barat terdapat perbezaan yang tegas antara kepentingan perseorangan dengan kepentingan umum yang membawa akibat adanya pembahagian Undang-undang privet (private law) dan Undang-undang pablik (public law). Atas dasar pembahagian kedua hukum ini maka timbullah sistem pembahagian Undang-undang Sibil (Civil law) dan Undang-undang Jenayah (Criminal law); dalam Hukum Adat sistem sedemikian tidak ada. Kepentingan-kepentingan perseorangan pada hakikatnya adalah kepentingan-kepentingan bersama. Privet dan pablik atau sibil dan jenayah berjaln satu sama lain. Tidak ada perbezaan tegas antara kepentingan peribadi dengan kepentingan bersama, sehingga didalam Hukum Adat tidak adanya pembahagian Undang-undang sibil dan Undang-Undang Jenayah. Setiap pelanggaran Hukum Adat merupakan satu gangguan keseimbangan masyarakat. Oleh kerana itu maka adalah kewajipan yang melanggar dan kewajipan masyarakat untuk sedaya upaya memulihkan kembali keseimbangan yang terganggu itu dengan cara penyelesaian bermusyawarah. Untuk lebih jelas lagi kita ambil contoh perbuatan jenayah: *rogol* atau *perkosa*.

Rogol menurut Undang-undang Barat adalah suatu perbuatan jenayah dan sipelanggar haruslah dihukum penjara. Dengan jatuhnya hukuman penjara atas sepelanggar maka selesailah peristiwa itu. Tidak demikian halnya dengan Hukum Adat. Hukum Adat memandang peristiwa rogol sebagai satu gangguan keseimbangan masyarakat. Jadi tugas utama bagi masyarakat ialah memulihkan kembali keseimbangan yang terganggu berlandaskan kata-kata adat: buruk dibaiki, kusut diselesaikan. Peristiwa rogol dianggap oleh masyarakat adat sebagai satu noda bagi dusun siperogol. Oleh kerana itu kesucian dusun harus dipulih kembali. Untuk menyucikan dusun tersebut dari noda yang ditimbulkan oleh siperogol, maka perlu diadakan satu upacara membasuh dusun dengan suatu kenduri. Didalam kenduri ini siperogol meminta maaf kepada masyarakat atas kelakuannya yang tidak baik itu. Oleh masyarakat kejadian yang buruk ini dibaiki dengan mewajibkan siperogol berkahwin dengan perempuan yang bersang-

kutan. Permohonan maaf dari siperogol diterima, kerana perbuatan rogol yang buruk itu telah dibaiki dengan kenduri. Dengan dilangsungkan antara siperogol dan gadis atau perempuan yang dirogol, kekusutan yang timbul itu telah diselesaikan. Dengan cara-cara yang sedemikian keharmonian masyarakat pulih kembali dan peristiwa rogol selesai.

b. dalam Undang-Undang Barat, *Kontrek* adalah satu perjanjian 'consensual' yang didasarkan kepada *kata sepakat* (consensus). Perjanjian jual ('verkoop oversenkomst' dalam bahasa Belanda atau 'contract of sale' dalam bahasa Inggeris) umpamanya didasarkan kepada kata sepakat antara sipenjual dengan sipembeli. Kata sepakat ini merupakan tindakan Undang-undang ('legal action') dan adalah tindakan yang menuntukan dan yang mewajibkan *penyerahan* atau pindah milik. Dalam Hukum Adat kata sepakat bukanlah suatu tindakan Undang-undang, ia hanya merupakan satu persiapan sahaja ('preparation') yang belum mengikat sama sekali. Malahan, walaupun kata sepakat itu dikuatkan dengan pemberian *penjar* ('advance') oleh bakal sepembeli, ia masih belum mengikat, masih belum merupakan tindakan muktamat yang mewajibkan penyerahan. Akhir-akhir ini tercipta suatu perjanjian berjual beli antara kedua pihak. Terbutkit apabila pihak sipenjual mungkir, tidak jadi menjual tanahnya, maka ia tidak diwajibkan menyerahkan tanah yang hendak dijualnya kepada sipembeli atas dasar perjanjian yang telah dibuatnya. Hukum Adat sebenarnya tidak mengenal pengertian panjar; ia adalah ciptaan dari pedagang-pedagang bangsa asing (cina dan India) yang hendak memaksakan berlakunya sesuatu perjanjian ('contract'). Kata sepakat ('consensus') jika mahu dianggap sebagai perbuatan Undang-undang dalam sistem Undang-undang Barat, maka pengertiannya dalam Hukum Adat: kata sepakat itu jatuhnya *bersamaan* dengan penyerahan, jadi *tidak* terpisah. *Jual* menurut Hukum Adat: *melepaskan* barang kerana pembayaran tunai atau dengan perkataan lain penyerahan barang kerana menerima pembayaran tunai.

Ditinjau dari segi Undang-undang penjualan dalam Hukum Adat adalah perjanjian yang konkret (nyata), iaitu melepaskan barang setelah menerima sejumlah wang yang tertentu.

Tegasnya pembayaran tunai itu merupakan unsur utama dalam penjualan. Terbukti dalam jual beli *tanah*, dimana harus dilakukan dihadapan Kepala Masyarakat Hukum Adat yang bersangkutan, kerana Kepala tersebut dianggap mengetahui benar-benar keadaan didalam masyarakatnya, disamping keperluan menjaga ketertipan Hukum dan jangan sampai hak orang lain terganggu. Dengan cara sedemikian maka *turut sertanya* Kepala Masyarakat Hukum Adat adalah syarat *mutlak* bagi penjualan, bukan sahaja untuk pengesahan tetapi juga terutama untuk kejelasannya.

c. Didalam Barat barang dibahagi kepada dua jenis:

1. barang *rakalib* ('onroerend goed' dalam bahasa Belanda atau 'Immovable property' dalam bahasa Inggeris).

II. barang *bergerak* ('*roerend goed*' dalam bahasa Belanda atau 'movable property' dalam bahasa Inggris).

Pembahagian ini membawa kepada perbezaan *cara* penyerahan. Jika barang itu barang bergerak, penyerahan jatuh bersama dengan pembayaran kerana mudah dilakukan. Tidak demikian halnya dengan barang tetap seperti tanah. Dalam hal tanah ini diperlukan penyerahan dengan suatu cara yang tertentu. Di Indonesia jual beli berlaku sebagai berikut:

Mula-mula kedua pihak, pembeli dengan penjual mengadakan perembukan mengenai harga tanah yang akan diperjual-belikan. Jika terdapat kata sepakat, maka terjadilah perjanjian antara mereka yang mengikat.

Menurut sistem Hukum Barat bagi jual beli tanah perjanjian yang sedemikian masih belum cukup. Masih diperlukan satu *surat pindah milik* ('*acte van oversehriving*' dalam bahasa Belanda) dari seorang *notaris* ('notary') yang dilantik oleh Kementerian Kehakiman sebagai bukti yang lengkap dan yang sah (resmi) dari perjanjian penjualan itu. Dari tindakan notaris inilah timbul hak dan kewajiban penjual dan pembeli. Kewajiban penjual menyerahkan tanah yang dijualnya kepada pembeli dan haknya menerima pembayaran harga. Kewajiban pembeli membayar harga dan berhak atas pemindahan milik tanah atas namanya. Pemindahan hak milik tanah tersebut harus dilakukan di pejabat Pendaftaran Tanah (kantor 'KADASTER' dalam bahasa Belanda atau 'LAND OFFICE' dalam bahasa Inggris), dimana terdapat buku pendaftaran hak milik tanah. Di pejabat Kadaster inilah diselesaikan pemindahan kedalam buku pendaftaran tanah. Perbuatan inilah yang disebut dengan istilah: *tukar nama*.

Kalau di Malaysia ini dapatlah kita perbandingkan sistem Undang-undang Barat di Indonesia mengenai tanah itu dengan sistem *Torren*. Hanya pelaksanaannya agak berbeza sedikit tetapi ujudnya sama.

Sebagaimana telah dikatakan radi pembahagian dua jenis barang di dalam Hukum Barat membawa akibat kepada perbezaan cara penyerahannya. Kalau barang bergerak penyerahan dan perjanjian jatuh *bersamaan*; kalau barang takalih penyerahan dan perjanjian *terpisah*; didalam sistem Hukum Adat kerana tidak mengenal pembahagian jenis barang kepada barang takalih dan barang bergerak, maka tidaklah terdapat perpisahan antara perjanjian dan penyerahan barang yang dijual belikan.

Jual beli menurut sistem Hukum Adat dalam hal tanah:

1. bukan perjanjian dan juga bukan akibat perjanjian.
2. ia harus dilakukan dengan *zerang* iaitu dihadapan Kepala Masyarakat Hukum Adat yang bersangkutan untuk sahnya dan dengan pembayaran *tunai*.
3. jual beli yang berlangsung dihadapan Kepala itulah yang merupakan perbuatan pemindahan milik tanah yang dijual dari penjual kepada pembeli.
4. Selanjutnya kita dapati juga perbezaan sistem Undang-undang di dalam undang-undang Barat dan didalam Hukum Adat selain dari pada perbezaan

sistem penyerahan yang tersebut di atas. Undang-undang Barat memakai sistem *vertikal* ('vertical') iaitu tanah tidak dapat dilepaskan dari seuma yang ada ditanah itu. Sistem Undang-undang tanah Barat ini berasal dari sistem Undang-undang Roman. Jadi menurut Undang-undang Barat yang dimaksud dengan tanah bukan sahaja apa yang terletak di atas tanah tetapi juga apa yang terikat-kuat dengan tanah seperti bangunan-bangunan, pohon-pohon dan lain-lain. Sedangkan sistem Undang-undang tanah menurut Hukum Adat ditinjau dari segi Undang-undang Barat adalah sistem *horizental* ('horizontal'), iaitu suatu bentuk hak milik dimana tanah dengan segala apa yang ada di atasnya dipisahkan. Tanah kepunyaan si Ali, sedangkan bangunan di atasnya kepunyaan si Daud adalah biasa sahaja. Jadi menurut sistem Hukum Adat *perpisahan* antara tanah dengan segala apa yang terletak di atas tanah, baik ia terikat-kuat dengan tanah itu atau tidak seperti rumah, bangunan-bangunan lain, pohon dan sebagainya tetap ujud.

e. Fungsi sosial dari pada hak perseorangan ('individual') menurut sistem Undang-Undang Barat adalah bebas. Ini disebabkan kerana adanya perpisahan yang nyata antara hak perseorangan dan hak masyarakat.

Didalam sistem Hukum Adat perseorangan dan masyarakat merupakan satu *kesatuan* yang tidak terpisah. Setiap hak perseorangan merupakan pelaksanaan daripada hak bersama, kerana didalam Hukum Adat masyarakat memainkan peranan yang utama dalam kehidupan perseorangan.

Sebagai contoh yang tepat dan sederhana yang dapat dilihat dengan nyata didalam Masyarakat Hukum Adat ialah adat *gotong royong* (tolong menolong) dari anggota masyarakat dalam *segala hal*. Fungsi ini adalah fungsi sosial daripada hak perseorangan yang timbul dari kesedaran rasa *senasib sepenanggungan*.

Sedangkan sarjana Undang-undang Barat menganggap adat gotong royong ini sebagai satu *balas jasa* ('reciprocity'), satu fungsi sosial daripada hak perseorangan ditinjau dari segi perseorangan semata-mata.

Tegasnya disistem Hukum Adat kita jumpai perpaduan dari prinsip kebebasan yang memperhatikan sepenuhnya norma-norma susila dengan prinsip taat (hormat) kepada kebulatan kehendak dari masyarakat.

Gabungan dari kedua prinsip inilah yang menjadi tiang-tiang dari hidup rukun dan damai didalam Masyarakat Hukum Adat.

III. "HUKUM NASIONAL INDONESIA"

Setelah kita mengetahui secara selayang pandang perbezaan falsafah Hukum, cara berfikir orang-orang Barat dan orang-orang Timur dengan membawa perbezaan sistem Undang-undang Barat dan sistem Hukum Adat, maka pertanyaan yang timbul sekarang ialah bagaimana kedudukan Hukum Adat dan Undang-undang Barat didalam "Hukum Nasional Indonesia?"

Dalam hal ini *tiga* pendapat yang telah dikemukakan oleh beberapa orang pakar undang-undang di INDONESIA:

1. pendapat pakar Undang-undang Prof. Dr. Supomo yang dikemukakan-

nya dalam Syarahan ulang tahun Universitas Gajah Mada, di Jogjakarta 1947 yang berjudul: "Kedudukan Hukum Adat dikemudian hari", yaitu Hukum Adat *tidak* dapat dipakai dalam sistem Hukum Nasional Indonesia. Sebagai alasan yang utama dikemukakan beliau bahwa Hukum Adat tidak mempunyai kepastian Hukum.

2. pendapat pakar Undang-undang Prof. Sudiman Kartohadiprodo yang dikemukakannya dalam karyanya yang berjudul: "Hukum Nasional, Bandung 1968" dihalaman 38-41, yaitu Hukum Adat dapat dipakai dalam sistem Hukum Nasional Indonesia tetapi terbatas yakni hanya dalam beberapa bidang persoalan Undang-undang sahaja seperti Undang-undang Keluarga dan Undang-undang Waris. Dalam bidang lain dapat diambil Undang-undang Barat.

3. pendapat pakar-pakar Undang-undang yang terbanyak, yaitu Hukum Adat dapat menjadi dasar Hukum Nasional Indonesia dengan tidak mengabaikan unsur-unsur yang datang dari luar yang telah diterima oleh Masyarakat Indonesia. Kalau kita bahas ketiga pendapat tersebut, maka kita lihat pendapat Supomo merupakan pendapat yang ekstrim; pendapat Sudiman merupakan satu penggabungan ('combination') antara pendapat Supomo dan pendapat dari pakar hukum yang terbanyak.

Diantara para pakar Undang-undang yang terbanyak ini termasuklah pakar Undang-undang Prof. Dr. Hazairin, Mahaguru Hukum Adat di Universitas Indonesia Jakarta dan Prof. Dr. Moh Koesnoe, Mahaguru Hukum Adat di Universitas Airlangga di Surabaya.

Hazairin berpendapat bahawa Hukum Adat dapat dijadikan landasan atau dasar dari Hukum Nasional Indonesia dengan alasan kepada fakta (kenyataan), yaitu perkembangan Hukum Adat dipengaruhi oleh faktor-faktor dari luar dan dari dalam. Sebagai contoh ia kemukakan perkembangan masyarakat adat yang berbagai jenis sistem kekeluargaannya seperti *unilateral-partilineal*, *matrilineal*, *bilateral*, *parental*, semuanya dipengaruhi oleh faktor-faktor dari luar dan dalam yang bertujuan menyalurkan masyarakat yang bukan bilateral kearah yang bilateral.²

Mohd. Koesnoe berpendapat bahwa Hukum Adat dapat diterima sebagai landasan daripada Hukum Nasional Indonesia dengan alasan kepada pengalaman perkembangan Hukum Adat dimasa yang lalu, yaitu Hukum Adat dapat memenuhi keperluan-keperluan nasional yang moden. Ini adalah disebabkan oleh satu kenyataan bahwa Hukum Adat itu dengan sifat dinamisnya tidak menolak hukum yang baru dari luar jika telah diperlukan. Sebagai contoh ia kemukakan perkembangan ilmu pengetahuan Hukum Antara gulongan ('*intergentilrecht*' dalam bahasa Belanda atau '*interracial law*' dalam bahasa Inggeris) di Indonesia, dimana dapat disaksikan bagaimana Hukum Adat berlaku untuk mereka yang tidak hidup di bawah kekuasaan Hukum Adat dan bagaimana mereka yang hidup di

² lihat *Hukum Kewarisan Bilateral*, karya Hazairin, Djakarta, 1967.

bawah kekuasaan Hukum Adat menerima lembaga-lembaga hukum asing yang tidak dikenal atau tidak terdapat didalam Hukum Adat.³

Dalam pertikaian pendapat mengenai persoalan (masalah) Landasan dari Hukum Nasional Indonesia yang dilancarkan secara bebas dan terbuka itu, Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara ('Indonesia People's Congress') sependapat dengan pendapat dari ahli hukum yang terbanyak.

Dan ini ternyata dari keputusan-keputusan Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara didalam tahun-tahun 1960 sampai 1967.

Dalam keputusan M.P.R.S. No. 11, 1960 Pemerintah Indonesia telah menetapkan bahwa Hukum Adat adalah landasan daripada tata Hukum Nasional.

Kemudian disusul segera pelaksanaannya, iaitu dengan mengeluarkan satu undang-undang tanah yang terkenal dengan sebutan: Undang-undang Pokok Agraria 1960 ('Basic Agrarian Act') dimana diresmikan Hukum Adat sebagai hukum yang berlaku bagi soal tanah dan lembaga-lembaga Hukum Adat ditetapkan sebagai lembaga-lembaga hukum yang sah.

IV. KESIMPULAN:

Sejak kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945, sejak itu pula Indonesia dihadapkan kepada masalah Hukum Nasionalnya. Sistem apakah yang dapat dipakai sebagai landasan/dasar daripada pembinaan Hukum di negara Republik Indonesia yang baru merdeka itu? Bahwa sifat hukum baru khas Indonesia itu harus nasional sudah pasti dan tidak dapat diganggu-gugat atau ditawar, kerana semangat kebangsaan telah tertanam didalam jiwa rakyat Indonesia.

Selain dari itu kenyataan adanya Hukum Adat yang masih berlaku dikalangan besar rakyat Indonesia dan yang masih besar pengaruhnya atas jiwa bangsa Indonesia tidak dianggap sepi atau diabaikan begitu sahaja.

Pengaruh ini dirasakan didalam musyawarah penyusunan Undang-undang Dasar Republik Indonesia tahun 1945, dimana sistem Hukum Adat yang banyak dipakai dalam penyusunan itu.

Kalau kita tinjau keadaan Undang-undang dalam Kerajaan Persekutuan Malaysia ini dan kita bandingkan dengan keadaan Undang-undang Republik Indonesia, maka terdapat persamaan masalahnya.

Menurut hemat saya pengalaman-pengalaman yang sangat berguna yang telah dialami di Indonesia sejak tahun 1945 dalam mencari satu landasan/dasar bagi Hukum Nasional Indonesia dapat dimanfaatkan oleh Malaysia dalam membena Undang-Undang Kebangsaan Malaysia dihari depan.

³ lihat lebih lanjut tesis Koesnoe: *Perkembangan dari pemikiran dan cara-cara penyelesaian masalah-masalah hukum antara golongan di Indonesia*, Surabaya 1965 dan kertas kerjanya yang berjudul: *Hukum Adat dan Pembangunan Hukum Nasional*, Den Pasar 1969).

Kemanfaatan itu akan lebih terasa jika kita kaji kedudukan bangsa Malaysia dan bangsa Indonesia yang banyak persamaannya, iaitu:

1. ditinjau dari sudut sains antropologi bangsa Malaysia dan bangsa Indonesia berasal dari satu rumpun.
2. ditinjau dari sudut sains sosiologi susunan masyarakat Malaysia dan masyarakat Indonesia adalah sama.
3. ditinjau dari sudut agama, bumiputra Malaysia dan bumiputra Indonesia menganut agama yang sama, iaitu agama ISLAM.
4. ditinjau dari sudut kebudayaan dan Hukum Adat juga pada intisarinnya tidak ada perbezaan, sebagaimana juga yang dapat disaksikan dengan bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia yang berasal dari satu bahasa, iaitu bahasa Melayu.
5. ditinjau dari sudut kekuasaan, Malaysia dan Indonesia sama-sama merdeka dan berdaulat. Seterusnya berdasarkan pula kepada pengalaman-pengalaman penyelidikan saya di Rejang (Indonesia):⁴ dan penyelidikan Hukum Adat Negeri Sembilan yang sedang saya lakukan di Malaysia, maka menurut pendapat saya sistem Hukum Adat Malaysia dapat dijadikan landasan atau dasar dari Undang-Undang Kebangsaan Malaysia dalam pengertian bahwa dasar itu boleh diperkembangkan dengan unsur-unsur yang datang dari luar seperti Undang-undang Barat, Hukum Islam dan lain-lain, apabila unsur-unsur itu telah dapat diterima oleh masyarakat Malaysia.

Abdullah Siddik*

⁴ 'The Adat Law of the Rejang' yang penerbitannya sekarang sedang dipertimbangkan.

*Temporary Lecturer, Faculty of Law, University of Malaya.